

Najib Ucap Takziah Kepada Keluarga Allahyarham Latifah Omar
Bernama
10 June, 2013

KUALA LUMPUR, 10 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengucapkan takziah kepada keluarga seniwati Latifah Omar yang meninggal dunia Ahad.

"Takziah kepada keluarga Allahyarham seniwati Latifah Omar atas pemergian beliau. Negara kehilangan seorang lagi legenda terkemuka. Al-Fatihah," katanya dalam tweet terbaru beliau.

Latifah, 74, menghembuskan nafas terakhir akibat penyakit usus pada 6.19 petang di Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM).

Jenazah Allahyarham selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam AU4, Lembah Keramat di sini Isnin.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=955127>